

ULASAN BUKU

Maslida Yusof, 2016.
Perkaitan Semantik-Sintaksis Kata Kerja
dengan Preposisi Bahasa Melayu,
373 halaman,
ISBN 9789834612764.



Pengulas: *Rogayah A Razak*
rogayaharazak@gmail.com

Fakulti Sains Kesihatan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

PENGENALAN

Pada amnya, polemik mengenai cara penulisan tatabahasa bahasa Melayu berkisar pada dua aspek, iaitu tatabahasa yang boleh berdiri sendiri dan bebas-konteks, dan tatabahasa sensitif-konteks (Azhar,1988). Bagi Azhar, kebanyakan daripada pemerian tatabahasa bagi bahasa Melayu bersifat bebas konteks. Hasilnya ialah tatabahasa “ayat”, iaitu tatabahasa yang berdasarkan data ayat yang bersifat idiolek, janggal bunyinya (hasil daripada usaha untuk “memaksa” acuan struktur ayat bahasa lain (selalunya bahasa Inggeris) terhadap acuan ayat bahasa Melayu. Ayat dianalisis sebagai satu unit terasing. Contohnya tatabahasa transformasi generatif, (Mashudi Kader (1981), Ramli Salleh (1989), Rogayah A Razak (2003)).

Jenis tatabahasa yang kedua ialah tatabahasa sensitif-konteks seperti tatabahasa unsur “yang” (Azhar, 1988) yang dihuraikan mengikut acuan sintaksis wacana, iaitu struktur sintaksis sebagaimana digunakan dalam wacana bahasa Melayu. Wacana didefinisikan sebagai satu aturan pelbagai jenis maklumat yang diungkapkan menggunakan pelbagai struktur, bentuk struktur dalam sesuatu naratif atau teks. Tatabahasa wacana mengambil kira setiap klausa dalam naratif itu dan hubungan antara klausa, perenggan dan keseluruhan naratif. Secara ringkas, dapat disifatkan sebagai tatabahasa berdasarkan klausa fungsional (*functional clause-based grammar*).

Dalam konteks ini buku *Perkaitan Semantik-Sintaksis Kata Kerja dengan Preposisi Bahasa Melayu* ini dapat dikategorikan kepada jenis yang kedua, iaitu tatabahasa sensitif-konteks. Buku ini menggunakan kerangka teoritis Tatabahasa Peranan dan Rujukan (TPR) oleh Van Valin, 1993, Van Valin & LaPolla, 1997, Yang, 1998). Data yang digarap ialah data novel Melayu.

TEORI TATABAHASA PERANAN DAN RUJUKAN

Van Valin (2014) menyatakan bahawa teori ini menganggap bahasa sebagai satu sistem perlakuan komunikatif sosial. Teori ini meletakkan analisis fungsi komunikatif sesuatu struktur tatabahasa sebagai satu elemen yang amat penting dalam penghuraian teori dan deskripsi tatabahasa. Bahasa dianggap sebagai satu sistem, maka tatabahasa adalah juga sistem seperti ditakrifkan oleh ahli tradisional strukturalis. Yang membezakan TPR daripada tatabahasa lain ialah pandangannya bahawa struktur tatabahasa hanya boleh difahami dan dihuraikan apabila rujukan dilakukan kepada fungsi semantik dan komunikatif unsur tersebut. TPR bukan sahaja memfokuskan kewujudan dan kombinasi unsur secara formal tetapi juga pada kewujudan dan hubungan unsur itu dengan aspek semantik dan pragmatik. TPR berkembang daripada percubaan untuk menjawab dua persoalan asas berikut:

- (i) Apakah rupanya sifat teori linguistik sekiranya berdasarkan analisis bahasa seperti bahasa Lakhota, Tagalog, Dyirbal, dan sebagainya berbanding dengan sifat teori linguistik yang setakat ini banyak berpihak kepada acuan bahasa Inggeris?
- (ii) Bagaimanakah interaksi antara sintaksis, semantik dan pragmatik dalam sistem tatabahasa yang berbeza-beza dapat dikendalikan dan dihuraikan?

Secara ringkas, TPR mengandungi tiga konsep utama yang berinteraksi: struktur klausa (representasi sintaksis), struktur logik predikat (representasi semantik) dan struktur fokus (wacana). Algoritma perkaitan menghubungkan representasi sintaksis dan semantik dan bersifat dua hala. Sistem perkaitan TPR (Jadual 2.11, hlm. 57) mengandungi dua bahagian, iaitu ciri universal dan ciri khusus bahasa. Sistem perkaitan ini juga dikuasai oleh kekangan umum yang dirujuk sebagai kekangan kesempurnaan yang

memfokus pada penterjemahan unsur dalam representasi sintaksis dan diikat kepada unsur dalam representasi semantik yang berkaitan. Wacana dimanifestasi dalam bentuk STRUKTUR FOKUS yang terbahagi kepada fokus sempit, fokus predikat dan fokus ayat. Sistem fokus diberikan dalam Rajah 2.15 hlm. 72.

PREPOSISI BAHASA MELAYU

Definisi preposisi yang diberikan dalam buku ini ialah: PREPOSISI + X ® Frasa Preposisi. Setiap preposisi diandaikan mempunyai makna contohnya preposisi *di* membawa makna tempat, preposisi *ke* membawa makna asas arah matlamat, dan sebagainya. Oleh itu, berdasarkan makna kata preposisi itu, frasa preposisi menghubungkan satu entiti (lazimnya frasa nama subjek) dengan satu entiti lain (keadaan atau peristiwa) dengan makna lokasi, masa, alat atau arah. Contohnya ayat berikut:

(1) Ahmad belajar di sekolah.

Pada dasarnya kata preposisi *di* mempunyai makna asas lokasi tetapi dalam ayat (1) frasa preposisi *di sekolah* membawa makna lokasi dan menerangkan dengan lebih khusus hubungan antara frasa nama subjek, iaitu Ahmad, peristiwa terbabit ialah belajar dan lokasinya ialah di sekolah. Pada amnya preposisi bahasa Melayu boleh terbahagi kepada preposisi statik seperti *di*, *pada* dan preposisi dinamik seperti *ke*, *dari*, *kepada*. Perbincangan jenis preposisi dalam buku ini berlatarbelakangkan simetri antara konsep statik dan dinamik.

HUBUNGAN KATA KERJA DENGAN PREPOSISI

Buku ini membincangkan hubungan antara kata kerja dengan preposisi bahasa Melayu daripada aspek semantik-sintaksisnya berdasarkan teori TPR. Dari segi semantik, sesetengah kata kerja memerlukan kata preposisi sebagai sebahagian daripada struktur argumennya (ayat 2) sementara sesetengah kata kerja pula tidak memerlukan kata preposisi untuk melengkapkan struktur argumen.

(2) Adik meletakkan bukunya di atas meja.

(2)a. *Adik meletakkan bukunya.

(3) Ali membasuh baju di tepi sungai.

(3)a. Ali membasuh baju.

Ayat (2a) yang tidak gramatis memperlihatkan betapa pentingnya FPrep “di atas meja” sebagai unsur wajib dalam ayat. Ayat (3a) pula menunjukkan bahawa FPrep “di tepi sungai” adalah unsur opsyenal.

Buat pertama kalinya satu pengelasan baharu kata kerja mengikut aktionsart, iaitu satu kelas kata kerja berdasarkan jenis proses, keadaan dan sebagainya. Hasil daripada analisis ini, sepuluh kelas kata kerja dikenal pasti. Representasi semantik bagi pemenggalan kelas aktionsart ini dirujuk sebagai struktur logik (SL). TPR mengandaikan terdapat empat kelas utama aktionsart, iaitu keadaan, aktiviti, pencapaian dan penyempurnaan.

Satu siri ujian diagnostik sintaksis dan semantik ditadbirkan untuk menentukan kategori sesuatu kata kerja itu contohnya, ujian diagnostik “sedang” diaplikasikan untuk membezakan antara kata kerja keadaan dengan kata kerja bukan keadaan, dan sebagainya. Kata progresif seperti “sedang” merujuk kata kerja perbuatan. Perbuatan itu terus berlangsung dan belum selesai, contoh ayat “Ayah sedang tidur”. Sebaliknya, ujian diagnostik “masih” dalam ayat “Kawan-kawannya sudah pulang. Dia *masih* berada di padang” menunjukkan peralihan waktu antara dua keadaan. Oleh itu, kata kerja berada di sini ialah ayat yang mengandungi kata kerja keadaan. Pencirian kata kerja keadaan seperti mengetahui, mengingati dan mempunyai/memiliki dijelaskan melalui ujian diagnostik sedang dan masih seperti kegramatisan/ketidagramatisan seperti yang berikut:

(4)a. Ahmad *masih* mengetahui perkara itu.

b. * Ahmad *sedang* mengetahui perkara itu.

c. Siti *masih* mempunyai barang itu.

d. * Siti *sedang* mempunyai barang itu.

Tanda * menandakan bentuk ayat tidak gramatis. Ayat (4a dan 4c) ialah ayat yang kata kerjanya kata kerja keadaan. Ayat ini gramatis dengan kata *masih* tetapi tidak gramatis dengan kata *sedang*. Hasil daripada ujian diagnostik progresif sedang maka pengkategorian terperinci bagi kata kerja keadaan adalah seperti yang berikut:

- (5) i. kata kerja keadaan: kata kerja yang menerima kata kerja dengan kata *masih* dan tidak kata *sedang*;
- ii. kata kerja bukan keadaan: kata kerja yang menerima kata kerja dengan *sedang*;
- iii. kata kerja bukan keadaan yang boleh menerima kata “*masih*” dan “*sedang*”.

Jadual 3.7 pada muka surat 90 menunjukkan perbezaan am tentang kategori kata kerja bagi predikat bahasa Melayu (tertakluk pada “kesan kemunculan bersama setempat” (*local occurrence effects*)).

Di samping itu, pengarang menyatakan bahawa imbuhan juga memainkan peranan dalam penginterpretasian kelas aktionsart. Perbezaan kelas kata kerja boleh dihasilkan daripada penggunaan imbuhan yang berbeza seperti dalam (6).

- (6) a. Rumah itu *besar*. (sifar imbuhan: keadaan)
- b. Budak itu sedang *membesar*. (imbuhan *mem-*: penyempurnaan)
- c. Ayah *membesarkan* rumah kami. (imbuhan *mem-...-kan*: kausatif penyempurnaan)

Dengan wujudnya ujian diagnostik seperti ini membolehkan para pengguna dan pengkaji bahasa menguji status sesuatu kata kerja secara objektif atau secara pembuktian konkrit. Hal ini menjadikan kajian atau analisis bahasa menepati tahap kepedaan tertinggi, iaitu kepedaan penghuraian di samping dua tahap kepedaan lain seperti tahap kepedaan diskriptif dan tahap kepedaan pemerhatian (Carnie, 2011).

Dalam buku ini, hubungan kata kerja dengan kata preposisi dilihat melalui empat jenis kata preposisi, iaitu preposisi lokatif (*di*, *ke* dan *dari*), preposisi transisi (*kepada* dan *daripada*) preposisi bertujuan (*untuk*) dan preposisi penyertaan (*dengan*). Preposisi dibincangkan melalui perilaku semantik kata preposisi dan juga perilaku sintaksis frasa preposisi.

Bab 4 secara sistematik membincangkan preposisi bahasa Melayu *di*, *ke*, *dari*, *kepada*, *daripada*, *untuk* dan *dengan* dari segi makna kata preposisi dan perilaku sintaksis frasa preposisi. Kata preposisi *di*, *untuk*, *dengan* ialah kata preposisi statik, iaitu mengungkapkan hubungan pada

satu tempat, hubungan tujuan bagi sesuatu perlakuan dan hubungan penyertaan bagi sesuatu perlakuan atau keadaan. Sebaliknya, preposisi seperti *ke, dari, kepada* dan *daripada* ialah preposisi yang mengungkapkan makna perubahan, pemindahan atau peralihan bagi posisi *tempat, milik* atau *masa*.

Preposisi lokatif yang membawa makna hubungan tempat dibahagikan kepada lokatif posisi (*di taman*), lokatif arah (*dari sawah, ke kereta*), preposisi lokatif jarak (*dari lapangan terbang Subang*), preposisi lokatif ruwang (*di dalam, dari belakang*).

Frasa preposisi dikatakan mempunyai dua peranan, iaitu sebagai argumen dan sebagai adjung dalam klausa. Argumen wajib hadir sementara adjung pula opsyenal kehadirannya. Contohnya:

(7) Ahmad memberikan buku kepada Ali di sekolah semalam.

(7)a. Ahmad memberikan buku kepada Ali di sekolah.

b. Ahmad memberikan buku kepada Ali.

c. *Ali memberikan buku.

Daripada (7b) kita dapat lihat bahawa “semalam” bersifat opsyenal manakala (7b) pula menunjukkan frasa preposisi “di sekolah” adalah opsyenal. (7c) menunjukkan frasa preposisi “kepada Ali” adalah wajib. Oleh itu frasa preposisi “kepada Ali” ialah argumen sementara frasa preposisi “di sekolah” ialah adjung kepada kata kerja “memberikan”. Satu lagi cara menguji status argumen dan adjung ialah ciri pendepanan. Hanya frasa preposisi adjung sahaja boleh dikedepankan seperti dalam ayat (7d). Apabila frasa preposisi dikedepankan, ayat (7e) yang tidak gramatis terhasil.

(7)d. Di sekolahkah Ahmad memberikan buku kepada Ali?

e. *Kepada Alikah Ahmad memberikan buku di sekolah?

Bab 5 menghuraikan struktur logik preposisi bahasa Melayu dan hubungannya dengan struktur logik predikat. Dihujahkan bahawa kehadiran preposisi tertentu boleh diramalkan berdasarkan predikat dalam ayat. Contohnya, bentuk logik kata kerja pergi diberikan seperti yang berikut:

(8) Ali pergi ke sekolah.

(8)a. SL pergi : MENJADI **di-lok'** (y,x)].

Kata kerja *pergi* diperlihatkan sebagai kelas kata penyempurnaan, iaitu menunjukkan peristiwa berlaku dalam satu tempoh masa dan ada penamat, iaitu arah lokasi bagi lakuan gerak. Kehadiran preposisi *ke* diramalkan oleh kata kerja aktif penyempurnaan. Preposisi *ke* menandakan hubungan sasaran dan tamatnya sesuatu aksi pada suatu tempoh masa. Preposisi *ke* sejajar dengan makna leksikal kata kerja yang bercirikan [-statik, -tepat masa, +penamat]. Padanan preposisi lokatif (*ke, dari, di*) berserta dengan SL kata kerja dipaparkan dalam Jadual 5.1 hlm. 186. Ringkasan struktur logik bagi setiap preposisi (*di, ke, dari, kepada, daripada, untuk, dengan*) dan hubungannya dengan kata kerja yang muncul bersamanya diberikan dalam Jadual 5.2 hlm. 216. Penulis memperlihatkan bahawa kemunculan preposisi dalam klausa dapat diramalkan daripada jenis kata kerja yang hadir bersamanya.

Bab 6 bertujuan untuk menjelaskan fungsi yang dibawa oleh preposisi dalam klausa dan memperlihatkan rumus penandaan preposisi dalam bahasa Melayu. Bab ini membuktikan kedangkalan anggapan ahli bahasa terdahulu tentang fungsi preposisi hanya sebagai fungsi keterangan atau *adverb* (adjung) sahaja. Sebaliknya bab ini memperlihatkan bahawa preposisi mempunyai tiga fungsi, iaitu sebagai penandaan argumen, adjung dan argumen-adjung. Keupayaan sesuatu preposisi itu untuk berfungsi sebagai predikat atau tidak bergantung pada jenis kata kerja yang hadir bersamanya. Contohnya preposisi *di* sebagai bukan predikatif kerana kata ini muncul dengan kata kerja keadaan yang menguasai argumen lokatif seperti dalam ayat “Mirza tinggal di Kajang”.

Bab 7 seterusnya memperlihatkan perkaitan antara representasi semantik dan representasi sintaksis. Sistem perkaitan ini diupayakan oleh algoritma perkaitan. Sistem perkaitan menjelaskan cara berfungsi antara muka komponen sintaksis-semantik-pragmatik.

PERBINCANGAN

Buku ini telah memberikan kupasan yang mendalam dan terperinci tentang preposisi bahasa Melayu. Berlandaskan kerangka teoritis yang kuat keupayaannya dan sensitif-konteks, satu huraian yang berpada dan saintifik telah dapat dihasilkan. Buku ini, walau bagaimanapun, berjaya menjawab

satu persoalan sahaja daripada dua persoalan yang dikemukakan oleh Van Valin (2014), iaitu apakah ciri preposisi bahasa Melayu berdasarkan konteks wacana bahasa Melayu? Huraian yang diberikan meliputi makna leksikal preposisi, makna dan fungsi frasa preposisi dalam ayat, juga makna preposisi dalam wacana. Namun, persoalan yang kedua tentang perkaitan sintaksis-semantik-pragmatik preposisi hanya dijawab sebahagian sahaja. Bagi proses perkaitan sintaksis-semantik-pragmatik bahasa Melayu, ini telah terjawab. Diperlihatkan proses-proses dalaman seperti penentuan kesesuaian antara SL kata kerja dalam nukleus dan SL preposisi, penentuan hak argumen sintaksis, pemilihan struktur logik yang bersesuaian dengan predikat dan pemetaan antaranya. Perkaitan yang bersifat dua hala memberikan penjelasan bagi proses penghasilan dan pemahaman ayat. Rumus leksikal menggambarkan perspektif penutur manakala komposisi bersama menggambarkan perspektif pendengar. Berasaskan SL kata kerja, rumus leksikal dan komposisi bersama, akhirnya proses penghasilan dan pemahaman preposisi dapat dilakukan oleh manusia. Namun, sistem perkaitan sintaksis-semantik-pragmatik merentas bahasa belum dilakukan. Tidak diperlihatkan di manakah kedudukan bahasa Melayu berbanding bahasa-bahasa lain di dunia daripada aspek preposisi ini.

Buat pertama kalinya dalam huraian tatabahasa bahasa Melayu, pengkelasan kata kerja bahasa Melayu berdasarkan aktionsart dijalankan dan beberapa kategori kata kerja bahasa Melayu dapat dihasilkan: keadaan, pencapaian, penyempurnaan dan aktiviti. Pengkelasan terperinci ini beserta dengan ujian diagnostik membolehkan perilaku kata kerja dan kata preposisi ditangani dengan lebih efisien. Sumbangan kajian ini agak signifikan kepada huraian tatabahasa bahasa Melayu.

Buku ini telah berjaya menonjolkan kekayaan ciri preposisi dari aspek sintaksis dan semantik. Hal ini amat berbeza daripada huraian terdahulu yang mengandaikan preposisi merupakan adjung yang opsyenal kepada bentuk kata kerja dengan fungsi yang terhad. Perbincangan dalam buku ini telah dapat memperlihatkan bahawa preposisi mempunyai kuasa predikat yang serupa seperti kata kerja: preposisi terbahagi kepada statik dan dinamik; berfungsi sebagai argumen atau adjung kepada kata kerja, mempunyai struktur logik (SL); berfungsi sebagai penandaan argumen, adjung dan argumen-adjung, dan berupaya mempunyai perkaitan sintaksis-semantik-pragmatik. Sebagai satu karya saintifik, buku ini telah berjaya mencapai tahap tertinggi, iaitu kepadaan penghuraian /*explanatory adequacy* kerana menghasilkan sekelompok ujian diagnostik yang boleh

diaplikasi untuk menguji kewujudan ciri-ciri pengkelasan bagi preposisi.

Walau bagaimanapun, dari segi sudut pembaikan, buku ini agak abstrak perbincangannya. Secara amnya, buku ini secara total sesuai digunakan bagi kursus tatabahasa pada peringkat siswazah –sarjana dan PhD. Beberapa bab awal boleh digunakan dalam kursus pengenalan kepada teori linguistik pada tahap ijazah sarjana muda. Sekiranya digunakan dalam kursus tatabahasa pada peringkat ijazah sarjana muda, maka perbincangannya perlu dipermudah dan dipersembahkan satu demi satu konsepnya agar mudah difahami. Satu cadangan ialah mungkin TPR boleh diolah menjadi sebuah buku berjudul “Pengenalan kepada Teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan” yang penghuraian teorinya dipermudah dan diberikan banyak contoh penggunaan preposisi dalam wacana bahasa Melayu.

Akhir sekali, tiada perbincangan dilakukan untuk merujuk kedudukan bahasa Melayu bagi struktur preposisi dari aspek tipologi bahasa. Adakah bahasa Melayu tergolong dalam kelompok bahasa yang bersifat *role-dominated* atau *reference dominated* kerana ini akhirnya akan menjurus kepada sama ada bahasa Melayu merupakan bahasa yang acuannya adalah pivot sintaksis dan semantik atau pivot pragmatik? Perkara ini dibangkitkan dalam Van Valin (2014) dan mungkin menarik untuk diselidiki selanjutnya, agar data bahasa Melayu dapat dimanfaatkan bagi pemantapan teori merentas bahasa manusia.

KESIMPULAN

Buku ini merupakan sebuah buku yang signifikan dan tinggi darjah kesaintifikannya dari segi analisis linguistik tatabahasa bahasa Melayu. Buku ini merupakan bahan rujukan tambahan yang amat berharga kepada khazanah tulisan sedia ada tentang tatabahasa bahasa Melayu. Maklumat yang ada dalam buku ini dapat disebarluaskan lagi sekiranya versi terjemahan ke bahasa Inggeris dilakukan agar buku ini kelak menjadi rujukan tambahan khazanah tulisan linguistik Melayu pada peringkat antarabangsa.

RUJUKAN

- Azhar M. Simin, 1988. *Discourse-Syntax of "YANG" in Malay (Bahasa Malaysia)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carnie, A., 2011. *Modern Syntax: A Coursebook*. New York: Cambridge University Press.
- Mashudi Kader, 1981. *The Syntax of Malay Interrogatives*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Salleh, 1989. *Fronted Constituents in Malay: Base Structures and Move-Alpha in a Configurational Non-Indo-European Language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah A. Razak, 2003. *The Syntax and Semantics of Quantification in Malay*. Kuala Lumpur. Akademi Pengajian Melayu, Univ. Malaya.
- Van Valin, R.D., 2014. *A Brief Overview of Role and Reference Grammar*. www.korling.or.kr/est/downfile.php?filename=12051990945114.